

21 OCT 2003

MAHATHIR-BUSH/I

MAHATHIR NAFI LAPORAN DITEGUR BUSH

Oleh: Arul Rajoo

BANGKOK, 21 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menafikan laporan berita asing yang mengatakan beliau telah ditegur oleh Presiden Amerika Syarikat George W. Bush mengenai kenyataannya pada Sidang Kemuncak Persidangan Pertubuhan Negara Islam (OIC) baru-baru ini.

Merujuk kepada laporan agensi berita asing yang membayangkan bahawa Dr Mahathir telah ditegur oleh Bush pada sidang kemuncak tidak rasmi pemimpin APEC di sini, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu bagaimana mereka boleh membuat kesimpulan begitu kerana saya tahu hakikatnya tiada siapapun mendengar apa yang beliau katakan kepada saya."

"Saya ingin menjelaskan bahawa beliau memang menarik saya ke tepi dan menjelaskan kepada saya kenapa beliau membuat kenyataan yang keras terhadap saya.

"Dan saya memberitahunya yang saya faham (itu)... itu saja, tiada lain," kata Perdana Menteri pada sidang media yang penuh sesak pada akhir mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Pusat Konvensyen Negara Ratu Sirikit.

Ini mungkin merupakan kali terakhir beliau bertemu muka dengan sekumpulan besar media dunia sebelum berundur pada 31 Okt, 2003 setelah 22 tahun menerajui negara.

Sebuah laporan berita dari Bangkok hari ini menyebut jurucakap Rumah Putih Scott McClellan sebagai berkata, Bush telah memberitahu Dr Mahathir semalam, kenyataan Perdana Menteri itu bahawa Yahudi menguasai Barat melalui proksi, semasa merasmikan Persidangan Pertubuhan Negara Islam itu, adalah "salah dan bersifat memecah belah."

McClellan berkata, Bush juga memberitahu Mahathir, apa yang Dr Mahathir katakan itu "amat bertentangan dengan fahaman saya."

Dr. Mahathir ditanya sama ada pemimpin Amerika berkata lain di belakang dan lain di khalayak ramai kerana jurucakap AS itu memberi gambaran seolah-olah Bush mengkritik dalam perbualannya.

"Saya tak boleh cakap, tapi yang pastinya (dia tidak) mengkritik saya. Apa yang dia kata ialah saya (Bush) kesal menggunakan kata-kata keras terhadap saya (Dr. Mahathir),...itulah yang dia kata kepada saya.

"Saya tak tahu sama ada pembantunya dengar atau tidak tapi saya akan memintanya bertanya kepada Presiden Bush sekali lagi apa sebenarnya yang dia kata, melainkan kalau pendengaran saya tidak baik, tetapi pendengaran saya masih cukup baik," katanya.

Kata Dr. Mahathir, Bush tidak sedikitpun mengecamnya, malah selepas itu, kedua-dua mereka berjalan beriringan.

Katanya, Bush malah menghampiri isterinya, Datin Seri Dr. Hasmah Mohd Ali, dan mengucapkan selamat kepada kedua-dua mereka serta berbual buat seketika.

Ditanya tentang pendapat peribadinya mengenai Bush, Dr. Mahathir berkata, beliau tidak suka mengata orang lain dan enggan menjawab soalan tersebut.

Ucapan Dr Mahathir, yang sentimen keseluruhannya menyeru umat Islam bersatu bagi menyelesaikan masalah mereka dan memperbaiki diri, mengandungi beberapa petikan yang menyinggung audien dari Barat, khususnya di Amerika Syarikat, Eropah dan Australia, dan menyebabkan mereka mengeluarkan kenyataan bantahan.

Dalam ucapannya itu, Perdana Menteri berkata: "Kita (umat Islam)

sebenarnya kuat. 1.3 bilion orang tidak boleh dilenyapkan begitu sahaja."

"Orang Eropah membunuh enam juta daripada 12 juta orang Yahudi (semasa Perang Dunai Kedua). Tetapi hari ini, Yahudi memerintah dunia melalui proksi. Mereka menyuruh pihak lain berperang dan mati untuk mereka," kata beliau.

Menjawab soalan sama ada kenyataannya tentang Yahudi itu telah menjejaskan hubungan dalam APEC, Dr Mahathir berkata, tidak.

"Saya menjelaskan kepada mereka saya tidak boleh mengkritik negara Islam tanpa pada masa yang sama menyebut kesilapan dan perbuatan salah yang dilakukan oleh Yahudi," katanya.

"Memanglah pihak akhbar berkata begitu (hubungan dalam APEC telah terjejas) tetapi peserta tidak kata begitu," kata Dr Mahathir.

Ditanya samada beliau akan melawat Israel dan menjelaskan kepada kepimpinan di sana mengenai kenyataannya itu, Dr Mahathir berkata beliau akan berbuat demikian selepas kepimpinan Yahudi itu melawat negara-negara Islam dan menjelaskan kenapa mereka memanggil orang Islam pengganas.

"Saya rasa itu baru adil. Jadi, selepas mereka berbuat demikian, saya akan pergi ke Baitulmuqaddis dan Tel Aviv untuk menjelaskan kenapa saya kata semua itu," tegas Dr Mahathir.

Pandangan utama Dr Mahathir ialah menyeru umat Islam supaya tidak bertindak ganas dalam menyelesaikan masalah, sebaliknya mengatasinya dengan akal fikiran, tetapi ini sebahagian besarnya telah diketepikan oleh media Barat yang membuat liputan persidangan OIC itu.

Dalam satu wawancara dengan Bangkok Post pada hari Isnin, Dr Mahathir mengkritik media Barat yang telah memesongkan ucapannya pada OIC itu.

"Dalam ucapan saya, saya mengecam semua keganasan, termasuklah tindakan pengebom berani mati, dan saya memberitahu semua umat Islam, sudah tiba masanya kita hentikan semua perbuatan itu dan berhenti sejenak untuk berfikir dan berbuat sesuatu yang lebih produktif," beliau dipetik sebagai berkata dalam wawancara itu.

"Itulah keseluruhan nada ucapan saya, tetapi mereka memetik satu ayat yang saya kata Yahudi menguasai dunia. Reaksi duniapun menunjukkan mereka menguasai dunia," katanya.

"Orang Eropah dan Amerika serta yang lain mahu mengecam saya, sedangkan, pada hakikatnya, ada seorang mengatakan semua orang Islam adalah pengganas. (Perdana Menteri Itali, Silvio) Berlusconi sendiri yang membuat kenyataan mengatakan orang Islam itu pengganas.

"Adakah Kesatuan Eropah meluluskan resolusi mengatakan ini anti-Islam?" tanya Dr. Mahathir.

"Kenapa bila ada orang mengecam orang Islam, Kesatuan Eropah tidak cuba berkata sesuatu?" tegasnya.

Dr Mahathir menambah kata:"Israel adalah sebuah negara kecil. Tidak ramai orang Yahudi di dunia ini. Tetapi mereka begitu angkuh dan menentang seluruh dunia. Walaupun Bangsa-Bangsa Bersatu melarangnya, mereka tetap melakukannya. Kenapa? Kerana mereka mendapat sokongan orang-orang ini."

Dr Mahathir berkata, beliau percaya komennya pada sidang kemuncak OIC itu dilaporkan sebahagiannya sahaja oleh media Barat kerana "banyak suratkhbar dimiliki oleh Yahudi."

"Mereka hanya nampak sudut itu dan mereka mempunyai pengaruh kuat ke atas orang lain.

"Hanya gambaran dari sudut pandangan mereka yang diberikan. Orang Islam, kita digambarkan sebagai pengganas, orang yang tidak boleh dibawa berunding, tidak boleh mentadbir negara sendiri, tidak boleh memajukan negara sendiri," kata Dr Mahathir. -- BERNAMA

AR MR SHY KY AA